



**BANGGA:** Choon Hua (tengah) menunjukkan sijil anugerah yang diterimanya kepada Dr Les Booth (kiri) dan Pang Chin.

## Choon Hua penuntut cemerlang

KUALA LUMPUR, 7 September: Pencapaian cemerlang dalam bidang akademik seorang pelajar Kolej Sunway, Chan Choon Hua melayakkannya menerima Anugerah Pesuruhjaya Tinggi British Chevening 1997/98.

Anugerah meliputi pembiayaan yuran pengajian tahun kedua dan ketiga di United Kingdom (UK).

Menurut kenyataan Kolej Sunway, Choon Hua mendapat pangkat A dalam semua mata pelajaran tahun pertama kursus kejuruteraan program berkembar Kolej Sunway Konsortium Universiti UK.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad itu berkata, rahsia kejayaannya ialah rajin belajar dan bijak me-

rancang masa untuk aktiviti kokurikulum.

Beliau memilih melanjutkan pelajaran di bidang Kejuruteraan Sivil dan akan berlepas ke UK akhir bulan ini.

Turut hadir di majlis anugerah itu ialah Pengarah Residen Konsortium Universiti UK, Dr Les Booth dan pensyarah fizik Kolej Sunway, Chan Pang Chin.

**This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.**